



**PENGUASAAN QIRAAAT & ILMU-ILMUNYA DI
KALANGAN PELAJAR INSTITUSI TAHFIZ :
SATU KAJIAN DI INSTITUT AL-QURAN
DARUL AMAN (IQDAR)**

MUHAMMAD NORAMIN BIN NORDIN

Sarjana Pengajian Al-Quran

Kulliyyah Usuluddin dan Sains Al-Quran

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN
ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
(UniSHAMS)**

2021/1443H

ABSTRAK

Ilmu qiraat adalah ilmu yang sangat berkait rapat dengan al-Quran secara langsung. Penyelidikan berkenaan ilmu qiraat ini dijalankan disalah sebuah institusi pengajian tinggi di Kedah iaitu Institut al-Quran Darul Aman. Di institusi tersebut, para pelajar diwajibkan mengambil kursus qiraat dalam pengajian mereka. Tinjauan awal mendapati bahawa para pelajar secara umumnya tidak menguasai ilmu ini disebabkan faktor-faktor tertentu. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini bertujuan menganalisis penguasaan ilmu qiraat dalam kalangan pelajar Institut al-Quran Darul Aman sama ada para pelajar tersebut dapat menguasai dengan baik, sederhana atau langsung tidak menguasai ilmu qiraat ini. Penyelidikan ini cuba untuk merungkai permasalahan tersebut melalui kajian lapangan dengan mengemukakan beberapa soalan kepada para pelajar yang mengambil kursus ini sebagai subjek asas mereka di samping menyoroti kajian-kajian ilmiah yang lepas berkaitan ilmu qiraat dari sumber pelbagai jurnal, tesis, kertas kerja dan buku. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan para pelajar jurusan bidang ilmu qiraat adalah pada tahap sederhana. Masih terdapat pelajar yang tidak dapat menguasai asas ilmu qiraat contohnya asal usul para imam dan usul bacaan mereka. Meskipun begitu, tahap penguasaan majoriti pelajar berkenaan ilmu ini adalah sangat baik. Pengkaji menyarankan agar para pelajar yang mengambil jurusan ini supaya terus menambah pengetahuan sedia ada berkenaan ilmu ini agar ianya kukuh terpahat di dalam dada para pelajar. Pengukuhan pengetahuan berkenaan ilmu ini secara tidak langsung akan membantu para pelajar untuk memperkuuh hafalan al-Quran yang sedia ada di dalam dada mereka.

ABSTRACT

The knowledge of qiraat is a form of knowledge that is very closely related to the Quran. This research is carried out at one of the higher learning institutions in Kedah, Institute AI-Quran Darul Aman. At the institute, it is compulsory for students to take qiraat course in their studies. Early observation found that students generally did not master this knowledge because of certain factors. Therefore, this study aims to analyze the mastery of qiraat knowledge among Institute AI-Quran Darul Aman students, whether the students master it well, moderate or zero ability. This research aims to unravel the problem through field studies by asking several questions to students who take this course as their basic subjects besides highlighting past research related to qiraat knowledge from various sources such as journals, theses, paperwork, and books. The research findings showed that the level of mastery of the students in the field of qiraat is at a moderate level. However, several students fail to master the basics of qiraat knowledge, such as the origin of the Imams and their recitation. However, the mastery level for the majority of students regarding this knowledge is excellent. The researchers advise the students majoring in this field to continue enhancing their qiraat knowledge so that it will be firmly engraved in their hearts.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله ، والصلوة والسلام على سيدنا رسول الله ﷺ ، وآلـه وصحبه ومن والـاه ، أما بعد :

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan disertasi ini sebagai sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pengajian Qiraat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof Madya Dr. Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Dekan Kulliyyah Usuluddin & Sains Al'quran dan kepada semua pensyarah yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, sokongan, komentar yang membangun dan meluaskan lagi pengetahuan saya dalam bidang ini. Hanya Allah sahaja yang layak memberikan ganjaran dan membalas jasa mereka semua. Juga kepada pihak pentadbiran Institut AlQuran Darul Aman (IQDAR) dan para pelajarnya khususnya yang berada di semester akhir pengajian, kerana sangat responsive dan memberikan kerjasa sama yang baik sehingga akhirnya kajian ini dapat diselesaikan.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ayahanda Hj. Nordin Hassan dan Almarhumah Bonda Hjh. Ramlah Ahmad yang telah banyak memberikan galakan, sokongan dan dorongan kepada saya untuk melaksanakan tugas ini dengan baik.

Seterusnya, saya titipkan penghargaan istimewa ini juga buat isteri saya, Nurhidayah Hassan yang sentiasa menjadi pembakar semangat dan tidak jemu mendoakan saya. Tidak ketinggalan, adik-beradik, saudara-mara, rakan-rakan seperjuangan yang banyak menghulurkan bantuan dan pertolongan dan tidak jemu memberikan motivasi dan ransangan

kepada saya. Hanya Allah S.W.T sahaja yang layak memberikan ganjaran dan membalaas jasa kalian.

Akhir kata, dengan terhasilnya kajian ini, semoga ianya dapat memberi manfaat kepada penyelidik khususnya dan juga para pembaca amnya. Pengkaji juga berharap agar segala kesilapan dalam kajian ini dapat diperbaiki lagi.

Sekian. Terima kasih.

KANDUNGAN

ABSTRAK	II
ABSTRACT	III
PENGAKUAN.....	IV
PENGHARGAAN	V
KANDUNGAN.....	VII
JADUAL TRANSLITERASI	XI
SENARAI JADUAL.....	XV
BAB 1	1
PENGENALAN.....	1
1.1. Latar belakang	1
1.2. Pernyataan Masalah Kajian	2
1.3. Objektif Kajian	4
1.4. Limitasi Kajian	4
1.5. Kepentingan Kajian	5
1.6. Skop Kajian	9
1.7. Ulasan Kajian Lepas	9
1.8. Organisasi Tesis.....	16
BAB 2	18
LATAR BELAKANG IQDAR.....	18
2.1. Pengenalan.....	18

2.2.	Visi.....	20
2.3.	Misi	20
2.4.	Objektif.....	20
2.5.	Piagam Pelanggan.....	21
2.6.	Organisasi IQDAR (Lampiran)	21
2.7.	Syarat Kemasukan	22
2.8.	Program Yang Ditawarkan	23
2.9.	Sistem Pengajian.....	23
2.10.	Jadual Pengajian Di IQDAR (Lampiran).....	23
2.11.	Sistem Peperiksaan	25
2.12	Penganugerahan Diploma	25
2.13	Sistem Peraturan Tatatertib.....	26
2.14	Fasiliti Fizikal	26
2.15	Majlis Perwakilan Mahasiswa dan Jawatankuasa Asrama IQDAR	27
2.16	Program dan Aktiviti yang Dijalankan	28
2.17.	Pengikrafan Kepada IQDAR (Lampiran)	28
2.18.	Kesimpulan	29
BAB 3		30
BIOGRAFI IMAM QIRAAAT		30
3.1.	Biografi Imam Abu Ja'far al-Qa'qa'	30
3.2.	Perjalanan Ilmiah Imam Abu Ja'far.....	30

3.3.	Ulasan Ulama Tentang Imam Abu Ja'far	32
3.4.	Keunikan Imam Abu Ja'far	32
3.5.	Murid-murid Imam Abu Ja'far	33
3.6.	Perawi Imam Abu Ja'far.....	34
3.7.	Biografi Imam Ya'qub al-Hadhrami	36
3.8.	Perjalanan Ilmiah Imam Ya'qub al-Hadhrami	36
3.9.	Ulasan Ulama Tentang Imam Ya'qub Al-Hadhrami.....	38
3.10.	Keunikan Imam Ya'qub Al-Hadhrami	40
3.11.	Murid-murid Imam Ya'qub al-Hadhrami	40
3.12.	Perawi Imam Ya'qub al-Hadhrami.....	41
3.13.	Biografi Imam Khalaf.....	43
3.14.	Pengembaraan Ilmiah Imam Khalaf	43
3.15.	Guru-guru Imam Khalaf dan Salasilah Riwayatnya	45
3.16.	Antara Imam Khalaf dan Sulaim	46
3.17.	Pendapat Ulama Mengenai Imam Khalaf	47
3.18.	Murid-murid Imam Khalaf	47
BAB 4		49
ANALISIS DATA		49
4.1.	Pengenalan.....	49
4.2.	Analisis Bahagian A (Demografi)	49
4.3.	Analisis Bahagian B (Tahap Pengetahuan Ilmu Al-Qiraat)	54

4.4. Analisis Bahagian C (Tahap Penguasaan Ilmu Al-Qiraat).....	62
4.5. Analisis Bahagian D (Faktor Mempelajari Ilmu Al-Qiraat).....	71
4.6. Analisis Bahagian E (Teknik Pembelajaran Yang Digunakan).....	77
4.7. Analisis Bahagian F (Aliran Ad Durrah Al Mudhiyyah)	84
Bab 5	96
PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN.....	96
5.1. Pengenalan.....	96
5.2. Perbincangan Mengenai Pencapaian Objektif Kajian	96
5.3. Rumusan	98
5.4. Cadangan	100
5.5. Penutup	102
BIBILIOGRAFI	104
LAMPIRAN.....	107